



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
14 JULAI 2024 / 8 MUHARRAM 1446 HIJRAH**

**IMIGRESEN SERBU LIMA PREMIS RUMAH URUT DAN MENAHAN 56
ORANG WARGANEGARA ASING**

Jabatan Imigresen Malaysia telah menahan 56 orang warganegara asing dalam satu operasi penguatkuasaan pada 10 Julai 2024 di lima premis rumah urut sekitar Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Operasi bermula pada jam 9.30 malam melibatkan seramai sepasukan pegawai pelbagai pangkat dari Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya.

Seramai 91 individu yang terdiri daripada 20 lelaki dan 41 perempuan warganegara asing serta 30 warganegara tempatan telah diperiksa dalam operasi ini. Hasilnya, 56 orang yang terdiri daripada warganegara Bangladesh, Myanmar, Thailand dan Sudan berumur di antara 20 hingga 50 tahun telah ditahan atas pelbagai kesalahan. Turut ditahan, dua orang warganegara tempatan yang dipercayai sebagai penjaga premis.

Lokasi serbuan merupakan premis kedai dua tingkat dan berada di tengah pusat bandar ini adalah agak mencabar kerana laluan masuk ke kawasan premis sesak dengan kehadiran pelancong dan kenderaan sekaligus menyukarkan pergerakan pasukan operasi masuk ke sasaran.

Tindakan penguatkuasaan ini diambil susulan aduan awam berhubung warganegara asing yang disyaki menjalankan aktiviti tidak bermoral yang berselindung di sebalik perkhidmatan rumah urut di kawasan tumpuan pelancong tanpa memiliki Pas dan dokumen pengenalan diri yang sah.

Antara kesalahan yang dikenalpasti ialah tiada dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa, dan lain-lain kesalahan yang melanggar Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Kesemua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Bukit Jalil, Kuala Lumpur untuk tujuan siasatan dan tindakan lanjut.

Jabatan akan meneruskan tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Anti Pamerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM).

#TAMAT#

DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA